

Latihan 23

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

Pengalaman Bercuti Di Sebuah Kampung

Pengalamanku yang paling indah ketika pergi _____ 1 _____ di sebuah kawasan perkampungan yang terletak di Lubuk Tertua, Terengganu. Kami sekeluarga menginap di sebuah rumah tumpangan.

Pada sebelah petang, kami telah _____ 2 _____ dengan masakan lazat seperti ikan masak lemak, nasi _____ 3 _____ Terengganu dan sebagainya. Pada waktu _____ 4 _____ pula, aku berjalan di tepi pantai _____ 5 _____ oleh ayah.

Pada keesokan hari, kami telah _____ 6 _____ ke dusun buah-buahan. Kami telah merasa buah-buahan di situ seperti _____ 7 _____, manggis dan rambutan.

Selain itu, kami juga _____ 8 _____ di sungai yang berdekatan. Airnya jernih dan _____ 9 _____ sekali. Kami menangkap ikan yang besar.

Setelah tiga hari berada di sana, kami _____ 10 _____ semula ke rumah. Aku berasa sungguh gembira dan _____ 11 _____ kerana berpeluang merasai pengalaman yang _____ 12 _____ seperti ini.

pulang

dijamu

memancing

durian

goreng

bercuti

sejuk

seronok

melawat

ditemani

malam

indah